

BUKU CERITA KANAK-KANAK
PENDIDIKAN HADIS

Indahnya Hadis!

Dari Cerita ke Cahaya Hati



Cetakan Pertama 2025

Hakcipta

: Penulis

Izz Nurumairah Binti Mohd Roszi

Ilham Zakiyah Binti Burhanudin

An Nur Insyirah Binti Zulkefli

Mohd Pua'ad bin Abdul Malik

Hak cipta terpelihara : Tidak dibenarkan mengeluar ulang manapun bahagian daripada terbitan ini sama ada ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa-apa jua bentuk dan cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan dalam Penerbitan ISBN :

1. Indahnya Hadis

Diterbitkan oleh :

Jabatan Pendidikan Islam dan Moral

Institut Pendidikan Guru

Kampus Bahasa Antarabangsa

Lembah Pantai 59200 Kuala Lumpur

PRAKATA

Segala puji dan syukur penulis panjatkan kehadrat Allah SWT, selawat dan salam kepada Rasullah SAW dengan izin dan limpah rahmat-Nya yang menganugerahkan ilmu-Nya kepada hambaNya.

Terhasilnya buku cerita kanak-kanak madani ini adalah bagi menyahut seruan kerajaan untuk melaksanakan aktiviti penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi di institusi pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Pelaksanaan penghayatan Hadis 40 ini telah terlaksana di sekolah menengah kebangsaan agama dan sekolah agama bantuan kerajaan pada tahun 2023 seterusnya akan dilaksanakan di institusi pendidikan bawah KPM mulai tahun 2024.

Pelaksaan aktiviti penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi ini bertujuan untuk membentuk sahsiah dan nilai yang baik selain memupuk semangat kasih sayang serta menerapkan kefahaman berkaitan agama dalam kalangan murid beragama Islam ke arah melahirkan generasi yang seimbang berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Inisiatif ini juga berupaya mengangkat kemuliaan insan berdasarkan tiga elemen utama penghayatan nilai iaitu adab, akhlak dan integriti.



Di samping itu, objektif pelaksanaan aktiviti penghayatan Hadis 40 ini adalah bagi melahirkan murid yang memahami asas agama dan keindahan akhlak islamiah, menjadikan Al-Quran dan As-Sunnah sebagai rujukan dalam menangani isu semasa serta melahirkan murid Islam yang bersahsiah tinggi menerusi aktiviti pembelajaran di dalam dan luar bilik darjah atau bilik kuliah berpandukan himpunan Hadis 40 Imam Nawawi.

Diharapkan buku cerita kanak-kanak madani ini dapat memberikan manfaat yang banyak kepada pembaca lebih-lebih lagi dalam kalangan pelajar dalam menghayati hadis-hadis pilihan dalam bentuk penceritaan yang menarik.

**An Nur Insyirah binti Zulkefli
Ilham Zakiyah binti Burhanudin
Izz Nurumairah binti Mohd Roszi
Mohd Pua'ad bin Abdul Malik**

**Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
Institut Pendidikan Guru
Kampus Bahasa Antarabangsa
Lembah Pantai 59200 Kuala Lumpur**



ISI KANDUNGAN

1

hadis kepentingan niat

1

2

**hadis kepentingan
sifat benar**

8

3

**hadis kepelbagaian
sedekah**

15

4

hadis mentaati pemimpin

23

Hadis kepentingan niat

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ
أَمْرٍ إِيمَانٌ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى
اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ
وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ
إِمْرَأَةٌ يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَا حَرَ إِلَيْهِ

MAKSUD

"Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat dan sesungguhnya setiap orang mengikut yang dia niat. Maka sesiapa yang hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya maka hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya, dan siapa yang hijrahnya kerana dunia untuk dia dapatinya atau perempuan untuk dikahwininya, maka hijrahnya mengikut apa yang dia hijrah kepadanya".

Pada suatu hari, ketika Zaid sedang berjalan pulang dari sekolah dia ternampak seorang lelaki tua sedang meminta sedekah. Dia memeriksa dompetnya dan mendapati masih terdapat lebihan wang saku miliknya. Dia merasa ingin memberi sedikit wang tersebut kepada lelaki tua itu.

